



KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment And Water

**PELAN**

**ANTIRASUAH  
ORGANISASI**

*ORGANISATIONAL  
ANTI-CORRUPTION  
PLAN (OACP)*

**2020** hingga  
**2024**

**JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA**




KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR  
*Ministry of Environment And Water*

**PELAN**  
**ANTIRASUAH ORGANISASI**  
*ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)*  
**2020-2024**

**JABATAN ALAM SEKITAR**  
**2020**

**DITERBITKAN OLEH:**



**UNIT INTEGRITI  
JABATAN ALAM SEKITAR**

**Kementerian Alam Sekitar dan Air**

Aras 1 – 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli  
No.25, Persiaran Perdana, Precint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62574 Putrajaya, Malaysia.  
Telefon: 03-8871 2000 / 2200  
Faks: 03-8889 1973/75

**HAK CIPTA TERPELIHARA**

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeskploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

**PENAFIAN**

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. JAS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya.

## **Fieman Allah SWT,**

**Maksudnya : “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan suatu kaum, sebelum kaum itu sendiri mengubah apa yang ada pada diri mereka”  
(TQS. Ar-Ra’d [13]: 11).**

“

Usaha Mencegah Dan Membasmi  
Gejala Rasuah Adalah  
Tanggungjawab Kita Bersama.  
Laksanakan Tugas Yang  
Diamanahkan  
Dengan Penuh Integriti.

”

**Puan Norlin Binti Jaafar  
Ketua Pengarah Alam Sekitar**

# PERNYATAAN

# KOMITMEN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JAS.

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini. Inilah hasrat kita bersama untuk memastikan Malaysia dikenali kerana Integriti dan bebas dari rasuah dan salahguna kuasa.

Pembangunan pelan ini adalah melalui penyatuan semua inisiatif dan usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam satu pelan yang sama. Ia merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Saya berbesar hati dengan hasil usaha dan komitmen serta kerjasama erat daripada warga Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam membangunkan OACP JAS, selaras dengan kehendak kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan* : NACP) 2019 - 2023.

Semua warga JAS sentiasa memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam OACP JAS 2020-2024 kerana sebagai penjawat awam, nilai etika, jati diri dan integriti yang tinggi adalah perkara utama yang perlu kita sama-sama hayati dan amalkan.

Saya percaya usaha ke arah pemantauan pelaksanaan semua inisiatif akan dilaksanakan dengan rapi, malahan usaha ke arah penambahbaikan akan sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Langkah ini bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan dan mengutamakan kepentingan rakyat.

OACP JAS telah menetapkan tujuh (7) objektif strategik untuk dilaksanakan. Objektif strategik tersebut adalah :

- ✔ **Memperkuh Prosedur Kerja Penguatkuasaan,**
- ✔ **Meningkatkan Ketelusan, Keberkesanan Dan Kecekapan Penguatkuasaan,**
- ✔ **Meningkatkan Amalan Profesionalisme Di Kalangan Pegawai JAS,**
- ✔ **Merekayasa Proses Penilaian Permohonan,**
- ✔ **Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Nilai-Nilai Murni,**
- ✔ **Meningkatkan Tahap Kompetensi Warga Melalui Pembangunan Modal Insan; dan**
- ✔ **Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam Melalui Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewangan Pasaran Dan Antipersaingan.**

Program dan aktiviti yang telah ditetapkan dalam OACP JAS memfokuskan usaha untuk mengatasi risiko rasuah dan salahguna kuasa serta menutup ruang dan peluang berlakunya gejala tersebut di peringkat Jabatan.

Pelan OACP ini akan menjadi panduan ke arah melaksanakan agenda integriti dalam JAS secara holistik. Sedemikian, diharapkan warga JAS dapat memahami, menghayati, dan membudayakan integriti seterusnya, menghindarkan diri dari terjebak dengan salahlaku yang bertentangan dengan tatakelakuan penjawat awam. Sesungguhnya menjadi tanggungjawab setiap warga JAS untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan pelan ini.

Saya menyeru semua pihak khususnya warga JAS, untuk berganding bahu dan berdiri teguh bagi menjadikan negara ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewangan. JAS sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi dan berintegriti dalam menjalankan amanah.

Sekian, terima kasih.

**“Ke Arah Negara Bebas Rasuah”**



**YBRS. PUAN NORLIN BINTI JAAFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar





# ***RINGKASAN***

---

Eksekutif



# RINGKASAN Eksekutif

Pelan Antirasuah Organisasi / *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 2020-2024* Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia merupakan satu dokumen antirasuah yang menjelaskan polisi Jabatan dalam usaha menghapuskan amalan rasuah, salahguna kuasa, kelemahan governan seterusnya membentuk tahap integriti yang tinggi di kalangan warga Jabatan.

Penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah berpandukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 dan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi. OACP merupakan sebuah dokumen utama Jabatan yang menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah dan salahguna kuasa serta meningkatkan tadbir urus yang cekap lagi cemerlang.



Mesyuarat JKOACP, Soal Selidik dan Bengkel



Kerangka pelan ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat Jabatan melibatkan Bahagian-Bahagian JAS Ibu Pejabat, EIMAS dan JAS Negeri termasuk JAS Cawangan melalui Jawatankuasa Pelan Antirasuah (JK OACP) JAS untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua isu yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan secara menyeluruh. Pelan ini juga diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam organisasi.

Justeru, penglibatan semua warga Jabatan termasuk Pengurusan Tertinggi JAS adalah komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan di JAS melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan nilai-nilai murni.

Di samping itu, Jabatan juga sentiasa peka pada persekitaran dalam melaksanakan penambahbaikan yang berterusan bagi memastikan fungsi Jabatan terus relevan.

Halatuju OACP JAS sangat jelas iaitu Kelestarian Alam Sekitar Untuk Kesejahteraan Rakyat Melalui Tadbir Urus Baik, Berintegriti dan Bebas Rasuah. Semoga dengan inisiatif yang dilaksanakan ini juga dapat menjadikan Malaysia Bebas Rasuah.

Struktur tiga (3) strategi utama pelaksanaan inisiatif adalah berdasarkan tiga (3) bidang keutamaan dan disusuli dengan tujuh (7) objektif strategik yang jelas dalam memandu hala tuju pelaksanaannya.

Pemantauan secara berterusan juga dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan berjaya menangani dan mengatasi setiap risiko rasuah yang wujud. Status pelaksanaan akan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Jabatan secara berkala.





## **Fieman Allah SWT,**

**Maksudnya: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).” (Surah al-Baqarah: 188)**

**ISI**

---

Kandungan

# KANDUNGAN

## **BAB 1: PENGENALAN**

Latar belakang	13
Dasar Integriti dan Tadbir urus	15
Isu dan Cabaran	18
Penilaian Risiko	20
	23

## **BAB 2: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH**

Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi JAS 2020 – 2024	25
Analisis Data	27
Bidang Keutamaan	29
Strategi 1-3	31
	31
	40

## **BAB 3: TADBIR URUS**

Prinsip Pengurusan Antirasuah	45
Mekanisme Pelaksanaan	47
Mekanisme Penyelarasan dan Pemantauan	49
	51

## **KESIMPULAN**

53

## **PENGHARGAAN**

55

**Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:**

**Maksudnya: "Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah."**

**Riwayat Ahmad (6984) dan Ibnu Majah (2313)**

Sa

**1** **BAB**

PENGENALAN

Bab ini menerangkan maklumat berkaitan latar belakang organisasi dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha Jabatan untuk memerangi rasuah, salahguna kuasa dan memupuk budaya integriti di kalangan warga kerja JAS. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan dasar integriti dan tadbir urus Jabatan telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak Pengurusan Tertinggi JAS. OACP telah menjadi satu inisiatif Jabatan bagi meneruskan usaha ke arah membentuk warga Jabatan yang berintegriti tinggi.



Latar  
Belakang



## Latar Belakang Jabatan Alam Sekitar



Tarikh	Perkara
<b>14 Mac 1974</b>	Kerajaan telah meluluskan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah satu undang-undang bagi mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.
<b>15 April 1975</b>	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikuatkuasakan.
<b>15 September 1975</b>	Bahagian Alam Sekitar telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar untuk melaksanakan Akta tersebut selain menguruskan hal ehwal alam sekitar.
<b>Mac 1976</b>	Bahagian Alam Sekitar telah dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
<b>1 September 1983</b>	Bahagian Alam Sekitar dinaikkan taraf kepada Jabatan Alam Sekitar.
<b>Mei 2001</b>	Jabatan Alam Sekitar telah berpindah ke Parcel C4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.
<b>Mac 2004</b>	Jabatan Alam Sekitar ditempatkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan Alam Sekitar telah dipindahkan di Podium 1-4, Wisma Sumber Asli, Presint 4, Putrajaya.
<b>Ogos 2018</b>	Jabatan Alam Sekitar ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi, Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).
<b>Mac 2020</b>	Jabatan Alam Sekitar ditempatkan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).



## Hala Tuju Strategik JAS

### **VISI**

Kelestarian alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat

### **MOTO**

Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama

### **DASAR**

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.



### **MISI**

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara

### **BIDANG TUGAS JAS**

- Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya
  - Pengawasan Alam Sekitar
- Kelestarian Ketahanan dan kepelbagaian Alam
  - Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar
  - Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli
    - Membuat Keputusan Bersepadu
    - Peranan Sektor Swasta
  - Komitmen dan Kebertanggungjawaban
- Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa



# Dasar Integriti Dan Tadbir Urus



Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

### **»» Pelaksanaan Dasar Integriti Dan Tadbir Urus JAS**

JAS sentiasa melaksanakan inisiatif kerajaan dalam membanteras rasuah dan salahguna kuasa. Bagi tujuan ini, JAS telah mengambil tindakan selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti membangunkan Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2010 - 2015 dan 2016 - 2018, Polisi Tiada Hadiah, Ikrar Bebas Rasuah, membangunkan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 2015 - 2017 dan yang terkini ialah **Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 2020 - 2024 dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020 - 2024.**



Isu  
Dan Cabaran



Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi, sosial, politik serta kelemahan pemantauan telah membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang:

### • **TADBIR URUS**

- i. Peruntukan undang-undang (Akta) yang lapuk/tidak lagi sesuai yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan;
- ii. Kelemahan pengurusan maklumat dan proses kerja yang tidak teratur; dan
- iii. Kelemahan pemantauan peringkat penyeliaan.

### • **KOMPETENSI**

- i. Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan betul;
- ii. Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap; dan
- iii. Penguatkuasaan yang lemah.

### • **INTEGRITI**

- i. Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas;
- ii. Kebocoran maklumat terperingkat;
- iii. Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa pelaksanaan tugas; dan
- iv. Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan.



## ***Kesan-Kesan Rasuah Dan Salahguna Kuasa Kepada Penjawat Awam Dan Negara***



- Mengancam keselamatan negara melalui pembocoran maklumat terperingkat.
- Ketidakadilan sosial yang boleh membawa kepada penindasan dan menafikan hak ke atas golongan tertentu.
- Kelemahan penguatkuasaan undang-undang.
- Mempengaruhi Kadar Pelaburan Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
- Melemahkan fungsi sesebuah organisasi ekoran penyelewengan kuasa hingga menghakis kepercayaan awam terhadap agensi Kerajaan.
- Menyebabkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam merosot akibat penjawat awam yang tidak berintegriti dalam melaksanakan tugas.



## ***Mengapa Perlu Tangani Rasuah Dan Salah Guna Kuasa***



### **» Indeks CPI Malaysia**

Malaysia berjaya memperbaiki reputasi dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) apabila melonjak kepada tangga ke-51 daripada 180 negara, pada tahun 2019, berbanding berada di kedudukan ke-61 pada 2018.

Skor Malaysia dalam CPI itu turut meningkat kepada 53, tahun lalu, berbanding 47 yang direkodkan dua tahun berturut-turut pada 2017 dan 2018.

Skor CPI ditentukan mengikut 13 tinjauan dan penilaian daripada pakar **bersandarkan tahap persepsi rasuah dalam sektor awam negara**, mengikut skala antara sifar hingga 100.

Skor sifar dianggap paling rasuah, manakala 100 dikategorikan paling bersih.

<b>Tahun</b>	<b>Kedudukan</b>	<b>Skor</b>
2014	51	52
2015	54	50
2016	55	49
2017	62	47
2018	<b>61</b>	47
<b>2019</b>	<b>51</b>	<b>53</b>

\*\* Sumber : <https://www.transparency.org/en/cpi/2019/results/table>



Penilaian  
Risiko

JAS telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/*Corruption Risk Assessment* (CRA) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di JAS yang berpotensi menjejaskan operasi dan imej organisasi.

Antara mekanisme yang digunakan bagi pelaksanaan penilaian risiko adalah:

- Menganalisis data risiko rasuah semasa Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) pada 23 – 25 Julai 2019 dan Bengkel Pembangunan CRM JAS pada 6 – 10 Julai 2020.
- Mengenalpasti risiko-risiko governans, integriti dan anti rasuah semasa.
- Meneliti data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan audit dalam, kajian kepuasan pelanggan dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) sebagai rujukan menganalisis persekitaran dalaman dalam usaha membuat penambahbaikan proses kerja di JAS.
- Data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), Statistik Aduan JAS di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Biro Pengaduan Awam (BPA) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) sebagai rujukan menganalisis persekitaran luaran dalam usaha membuat penambahbaikan proses kerja di JAS.
- Melaksanakan soal selidik di kalangan warga JAS (Disember 2019 hingga Januari 2020) bagi mendapatkan dan mengkaji persepsi warga JAS terhadap dasar dan pengurusan JAS.
- Mengenalpasti dan meneliti *root cause* kepada berlakunya kesalahan rasuah dan salahguna kuasa serta membangunkan inisiatif penambahbaikan melalui Bengkel Pembangunan OACP pada 21 Februari 2020, 10 – 12 Mac 2020 dan 6 – 10 Julai 2020.

## *Firman Allah SWT,*

**Maksudnya : “Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.”  
(Surah al-Anfal ayat 27)**

# **BAB**

MEMPERKASAKAN  
USAHA PENCEGAHAN  
RASUAH

## MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH


Pelan ini telah menetapkan tiga (3) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha membanteras rasuah. Bidang keutamaan tersebut adalah **Operasi Penguatkuasaan, Input Pembangunan Lestari dan Pengurusan Pentadbiran**.

Terdapat tiga (3) strategi utama yang telah ditetapkan bagi memperkasakan usaha pencegahan rasuah iaitu **Memantapkan Kecekapan, Ketelusan Dan Integriti Tugas-Tugas Penguatkuasaan, Pencegahan dan Kawalan Pencemaran, Memastikan Pembangunan Secara Lestari Dalam Proses Kemajuan Negara Dan Memantapkan Kualiti Khidmat Penyampaian Perkhidmatan JAS**.

Seterusnya, bagi mendokong strategi utama berkenaan, Jabatan telah menetapkan **tujuh (7) objektif strategik** dalam merangka inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan seperti berikut :

- i. **Memperkuhkan Prosedur Kerja Penguatkuasaan,**
- ii. **Meningkatkan Ketelusan, Keberkesanan Dan Kecekapan Penguatkuasaan,**
- iii. **Meningkatkan Amalan Profesionalisme Di Kalangan Pegawai JAS,**
- iv. **Merekayasa Proses Penilaian Permohonan,**
- v. **Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Nilai-Nilai Murni,**
- vi. **Meningkatkan Tahap Kompetensi Warga Melalui Pembangunan Modal Insan; dan**
- vii. **Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam Melalui Pengurangan Risiko Rasuah Penyelewengan Pasaran Dan Antipersaingan.**

Objektif strategi yang ditetapkan meliputi **empat puluh empat (44) inisiatif** yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.



The background of the entire page is a vibrant purple. Overlaid on this background is a complex network diagram. It consists of numerous small, light-colored circular nodes connected by thin, white lines. Some nodes are larger and have a glowing, multi-colored aura (purple, blue, and pink), while others are smaller and more subtle. The network is dense and interconnected, with lines crisscrossing the upper and lower portions of the page. The overall aesthetic is modern and technological.

# Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi



# Kerangka Pelan OACP JAS 2020 - 2024



## STRATEGI PELAKSANAAN INISIATIF

<b>Operasi Penguatkuasaan</b>	Memantapkan Kecekapan, Ketelusan Dan Integriti Tugas-Tugas Penguatkuasaan, Pencegahan dan Kawalan Pencemaran	1. Memperkukuh Prosedur Kerja Penguatkuasaan
		2. Meningkatkan Ketelusan, Keberkesanan Dan Kecekapan Penguatkuasaan
<b>Input Pembangunan Lestari</b>	Memastikan Pembangunan Secara Lestari Dalam Proses Kemajuan Negara	3. Meningkatkan Amalan Profesionalisme Di Kalangan Pegawai JAS
		4. Merekayasa Proses Penilaian Permohonan
<b>Pengurusan Pentadbiran</b>	Memantapkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan JAS	5. Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti Dan Nilai-Nilai Murni
		6. Meningkatkan Tahap Kompetensi Warga Melalui Pembangunan Modal Insan
		7. Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam Melalui Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran Dan Antipersaingan



Analysis  
Data

Dalam usaha mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di JAS yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi, Jawatankuasa OACP JAS telah menganalisis beberapa data yang berkaitan.

Antara data yang dianalisis adalah bilangan kes tatatertib, bilangan aduan yang diterima, maklumat integriti berkaitan JAS yang disalurkan kepada SPRM bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019 (3 tahun) dan juga rekod pemantauan pegawai yang berisiko berada dalam keterhutangan serius.

Selain daripada itu, lain-lain sumber data turut diperolehi melalui pemerhatian dan sesi soal selidik dengan warga Jabatan, laporan audit, laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai, laporan Audit MS ISO 9001:2008/2015 dan juga penemuan audit penguatkuasaan.

### » Bilangan Aduan Integriti Yang Diterima Oleh JAS

Jadual 1 : Aduan Integriti JAS Bagi Tahun 2017- 2019

Tahun	Jumlah Aduan/Laporan	Saluran Aduan						Jenis Aduan		*SPRM
		Surat/Laporan Rasmi	Emel/E-Aduan	Portal	BPA	Hadir/Telefon	Surat Layang	Etika Pegawai	Salahguna Kuasa	
2017	10	5	4	-	-	1		5	5	3
2018	14	1	7	-	-	4	2	12	4	0
2019	29	11	9	-	-	5	4	18	11	5

\*SURAT SPRM KEPADA JAS MOHON MAKLUMAT

\*\* Sumber : Unit Integriti JAS

### » Bilangan Maklumat Integriti Berkaitan JAS Yang Diterima Oleh SPRM

Jadual 2 : Maklumat Integriti JAS Yang Diterima SPRM Bagi Tahun 2016 - 2020 (Mac)

Tahun	Bilangan Kes
2016	8
2017	16
2018	10
2019	12
2020	3

\*\* Sumber : SPRM

**Daripada Abū Sa'īd Al Khudrī RA  
berkata, aku mendengar Nabi SAW  
bersabda:**

**Maksudnya : "Barangsiapa di antara kamu yang melihat  
kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan  
tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan  
lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan  
hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman."  
(Riwayat Muslim\_78)**

Bidang  
Utama



#### »» Bidang-Bidang Berisiko

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, tiga (3) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di JAS yang telah dikenalpasti untuk diberi perhatian secara khusus adalah:

- **Operasi Penguatkuasaan;**
- **Input Pembangunan Lestari; dan**
- **Pengurusan Pentadbiran.**

Keseluruhan inisiatif dirancang untuk pelaksanaan sepanjang tahun 2020 hingga 2024 seperti berikut :

## » BIDANG KEUTAMAAN 1 : OPERASI PENGUATKUASAAN

- STRATEGI 1** MEMANTAPKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN INTEGRITI TUGAS-TUGAS PENGUATKUASAAN, PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENCEMARAN
- OBJEKTIF STRATEGIK 1.1** MEMPERKUKUHKAN PROSEDUR KERJA PENGUATKUASAAN
- OBJEKTIF STRATEGIK 1.2** MENINGKATKAN KETELUSAN, KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENGUATKUASAAN

Objektif Strategik 1.1 Memperkukuhkan Prosedur Kerja Penguatkuasaan			
Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.1.1	Mewujudkan Jawatankuasa Penilai yang menyemak jadual program tahunan.	Bahagian Penguatkuasa	3 bulan
1.1.2	Mewujudkan Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan dan garis panduan bagi menilai hasil siasatan dan syor tindakan penguatkuasaan untuk dilaksanakan di setiap JAS Negeri.	Bahagian Penguatkuasa	3 bulan
1.1.3	Meminda pelaksanaan larangan pembakaran terbuka melalui PTO Pembakaran Terbuka dan PTO Jerebu Kebangsaan secara berkala.	Bahagian Udara	3 bulan
1.1.4	Mewujudkan <i>task force</i> bersama agensi bagi menangani isu <i>import/eksport</i> buangan terjadual secara haram.	Bahagian Bahan Berbahaya	3 bulan
1.1.5	Mewujudkan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Permohonan <i>Import/Eksport</i> Buangan Terjadual secara berkala bersama agensi sekurang-kurangnya 3 kali setahun.	Bahagian Bahan Berbahaya	6 bulan
1.1.6	Menyediakan arahan dalaman untuk proses pemilihan dalam melantik kontraktor pembersihan perlu dilaksanakan oleh pegawai yang tidak terlibat dalam proses siasatan pelupusan haram buangan terjadual.	Bahagian Bahan Berbahaya	Serta merta

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.1.7	Menambahbaik sistem penjanaan nombor rujukan Kertas Siasatan ( <i>Investigation Paper</i> : IP) secara automatik melalui eMahkamah sediada di dalam EKAS.	Bahagian Teknologi Maklumat	6 bulan (selaras dengan pembangunan EKAS)

**Objektif Strategik 1.2 Meningkatkan Ketelusan, Keberkesanan Dan Kecekapan Penguatkuasaan**

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.2.1	Mewujudkan pelan komunikasi Jabatan yang jelas menggariskan kaedah perkongsian maklumat yang terperingkat.	Bahagian Komunikasi Strategik	6 bulan
1.2.2	Perkongsian maklumat penemuan audit dengan Unit Integriti, JAS Ibu Pejabat, secara berkala (sekurang-kurangnya 2 kali setahun)	Bahagian Penguatkuasa	6 bulan
1.2.3	Mewujudkan polisi kitaran kerja secara dalaman.	Bahagian Pentadbiran & Kewangan	3 bulan
1.2.4	Memastikan peranan penyelia dalam menguruskan pelanggaran tata kelakuan.	Unit Integriti Jabatan	Serta merta
1.2.5	Memastikan pegawai yang tugas penguatkuasaan di kawasan terpencil melaksanakan perancangan kemudahan logistik secara sistematik.	Semua JAS Negeri & Cawangan	Serta merta
1.2.6	Memperkasakan rekod aduan, penguatkuasaan hasil siasatan di dalam EKAS.	Bahagian Penguatkuasa	Serta merta
1.2.7	Memperkemaskan agenda mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan dengan menghadkan akses kehadiran mengikut kes yang dibincangkan.	Semua JAS Negeri & Cawangan	Serta merta
1.2.8	Membangunkan proses pemakluman Notifikasi sistem kawalan pencemaran alam sekitar secara dalam talian.	Semua JAS Negeri & Cawangan	2 tahun

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.2.9	Memperudahkan proses pemverifikasian pemasangan sistem kawalan pencemaran alam sekitar dilaksanakan secara pemeriksaan penguatkuasaan di lapangan.	Semua JAS Negeri & Cawangan	Serta merta
1.2.10	Penguatkuasaan sistem <i>check and balance</i> di antara penyelia dan pegawai dalam proses perbincangan bagi mengenakan tindakan undang-undang di dalam program penguatkuasaan.	Bahagian Penguatkuasa	Serta merta
1.2.11	Pegawai Pemproses perlu memastikan pematuhan terhadap piagam pelanggan pemrosesan permohonan <i>import/eksport</i> buangan terjadual yang telah digariskan.	Bahagian Bahan Berbahaya	Serta merta
1.2.12	Memperkasakan kawalan pengimportan bahan berbahaya di negeri-negeri berpelabuhan dan pintu masuk negara.	Bahagian Bahan Berbahaya	2 tahun
1.2.13	Ahli Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan hendaklah dilantik secara rasmi dan SOP pelaksanaannya diwujudkan untuk penyeragaman seluruh JAS.	Bahagian Penguatkuasa	Serta merta
1.2.14	Menambahbaik Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP) – Penyediaan Kertas Siasatan selaras dengan keperluan prosedur yang digariskan di dalam Kanun Prosedur Jenayah.	Bahagian Penguatkuasa	3 bulan

## »» BIDANG KEUTAMAAN 2 : INPUT PEMBANGUNAN LESTARI

**STRATEGI 2** MEMASTIKAN PEMBANGUNAN SECARA LESTARI DALAM PROSES KEMAJUAN NEGARA

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.1** MENINGKATKAN AMALAN PROFESIONALISME DI KALANGAN PEGAWAI JAS

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.2** MEREKAYASA PROSES PENILAIAN PERMOHONAN

### Objektif Strategik 2.1 Meningkatkan Amalan Profesionalisme Di Kalangan Pegawai JAS

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
2.1.1	Mengeluarkan Arahan Pejabat larangan penglibatan pegawai JAS dalam mengesyorkan pemilihan jururunding kepada pemaju/premis sebelum permohonan EIA/EMP/Notifikasi/Input Pembangunan/Lesen Pelanggaran/Audit Alam Sekitar/Pemasangan CEMS dibuat kepada JAS.	Bahagian Penilaian	6 bulan
2.1.2	Mengemaskini Garis Panduan Penguatkuasaan EIA bagi melarang penglibatan pegawai JAS sebagai Jururunding kepada pemaju/ premis.	Bahagian Penilaian	6 bulan

### Objektif Strategik 2.2 Merekayasa Proses Penilaian Permohonan

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
2.2.1	Mewujudkan sistem on-line berkaitan pemprosesan permohonan EIA/EMP/Notifikasi/Input Pembangunan/Lesen Pelanggaran/Audit Alam Sekitar/Pemasangan CEMS.	Bahagian Penilaian	6 bulan
2.2.2	Merangka dan melaksanakan SOP kawalan penggunaan sistem pemprosesan permohonan data kualiti alam sekitar.	Bahagian Air & Marin, Bahagian Udara	6 bulan

## » BIDANG KEUTAMAAN 3 : PENGURUSAN PENTADBIRAN

- STRATEGI 3** MEMANTAPKAN KUALITI KHIDMAT PENYAMPAIAN JAS
- OBJEKTIF STRATEGIK 3.1** MEMPERLUASKAN PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI DAN NILAI-NILAI MURNI
- OBJEKTIF STRATEGIK 3.2** MENINGKATKAN TAHAP KOMPETENSI WARGA JAS MELALUI PEMBANGUNAN MODAL INSAN
- OBJEKTIF STRATEGIK 3.3** MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM MELALUI PENGURANGAN RISIKO RASUAH, PENYELEWENGAN PASARAN DAN ANTIPERSAINGAN

Objektif Strategik 3.1 <b>Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti Dan Nilai-Nilai Murni</b>			
Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
3.1.1	Mengemas kini Kod Etika JAS untuk memasukkan larangan pegawai JAS mengesyorkan pemilihan jururunding kepada pemaju/premis .	Unit Integriti	6 bulan
3.1.2	Membuat hebahan secara berkala Arahan Pejabat dan Kod Etika berkaitan kawalan batas penglibatan pegawai kepada semua pegawai melalui screensaver komputer pegawai, e-mel, intranet dan poster.	Bahagian Pentadbiran & Kewangan	6 bulan
3.1.3	Mewajibkan penyertaan program yang berkaitan dengan nilai murni dan peningkatan integriti untuk setiap pegawai sekurang-kurangnya satu hari berkursus dan menambahbaik sistem rekod log latihan.	Bahagian Pentadbiran & Kewangan	1 tahun
3.1.4	Memperkasa program kesedaran kerjasama JAS dengan SPRM.	Unit Integriti Jabatan	1 tahun
3.1.5	Meningkatkan nilai murni dan integriti pegawai dengan mewajibkan kehadiran sekurang-kurangnya satu hari latihan berkaitan integriti dan rasuah - Garis Panduan Dasar Latihan Jabatan Alam Sekitar	Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	3 bulan

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
3.1.6	Menyediakan Borang Pergerakan keluar pejabat atas urusan rasmi bagi memantau kehadiran bertugas pegawai – Borang Kebenaran Keluar Pejabat Atas Urusan Rasmi Jabatan Alam	Seksyen Pentadbiran dan Inovasi, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	2 bulan
3.1.7	Menyediakan garis panduan pengurusan kenderaan jabatan - Garis Panduan Pengurusan dan Penggunaan Kenderaan Jabatan Alam Sekitar	Seksyen Pentadbiran dan Inovasi, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	3 bulan

**Objektif Strategik 3.2 Meningkatkan Tahap Kompetensi Warga JAS Melalui Pembangunan Modal Insan**

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
3.2.1	Mengadakan polisi dalaman secara bertulis berhubung sistem pusingan kerja berpandukan Dasar Pertukaran yang digariskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004.	Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran & Kewangan	6 bulan
3.2.2	Mengeluarkan Arahan Dalaman untuk memastikan pegawai pemproses/penyelia kompeten dengan proses kerjanya.	EiMAS	6 bulan
3.2.3	Meningkatkan kompetensi Pegawai Keselamatan Jabatan dalam memastikan kawalan maklumat terperinci dapat dilaksanakan.	Bahagian Pentadbiran & Kewangan	1 tahun
3.2.4	Kompetensi Pegawai Pemproses perlu ditingkatkan melalui pendedahan dan latihan.	Bahagian Bahan Berbahaya	6 bulan
3.2.5	Menilai semula kelayakan yang membolehkan Pegawai Penguatkuasa menerima Bayaran Elaun Insentif Penguatkuasaan.	Bahagian Pentadbiran & Kewangan	3 bulan

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
3.2.6	Meningkatkan kompetensi pegawai melalui ketetapan menghadiri latihan sebanyak tujuh hari setahun menerusi penyediaan Garis Panduan Dasar Latihan Jabatan Alam Sekitar.	Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	3 bulan
3.2.7	Menyediakan garis panduan penempatan dan pertukaran pegawai secara dalaman – Garis Panduan Penempatan dan Pertukaran Pegawai Jabatan Alam Sekitar	Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	3 bulan
3.2.8	Pemantapan kawalan dalaman bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai - Garis Panduan Melaksanakan Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Pegawai Jabatan Alam Sekitar.	Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	3 bulan
3.2.9	Mewujudkan perjawatan kaunseling di Jabatan Alam Sekitar	Seksyen Sumber Manusia, Jabatan Alam Sekitar	12 Bulan

### Objektif Strategik 3.3

### Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam Melalui Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran Dan Antipersaingan

Bil.	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
3.3.1	Mewujudkan garis panduan berkenaan penetapan klausa dan kadar penalti dalam dokumen perjanjian – Garis Panduan Penetapan Klausa Penalti di dalam Dokumen Perjanjian Jabatan Alam Sekitar	Urus setia Perolehan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	3 bulan
3.3.2	Mewujudkan garis panduan penyediaan dokumen perjanjian Jabatan – Garis Panduan Penyediaan Dokumen Perjanjian Jabatan Alam Sekitar	Penasihat Undang-undang	6 bulan
3.3.3	Memantapkan Program Naziran Perolehan dan Kewangan.	Unit Integriti	6 bulan

The background of the slide is a solid purple color. Overlaid on this is a complex network of thin, light-colored lines connecting various nodes. Some nodes are small, semi-transparent circles, while others are larger, glowing spheres with a bright center and a soft, circular glow. The network is most dense in the upper right and lower right corners, with lines crisscrossing and nodes clustered together. In the lower left, the text 'Strategik (1-3)' is displayed in a clean, white, sans-serif font. The overall aesthetic is modern and digital, suggesting themes of technology, data, or interconnected systems.

# Strategik (1-3)

## **ANALISIS KUADRAN**

Analisis Kuadran di bawah menunjukkan senarai **empat puluh empat (44) inisiatif yang dirangka** adalah berdasarkan punca risiko rasuah yang ditemui.

Terdapat **dua puluh empat (24) inisiatif dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran A (impak tinggi dan kompleksiti rendah)** yang memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada penambahbaikan tadbir urus organisasi.

Manakala **dua belas (12) inisiatif keutamaan dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran B (Impak dan kompleksiti tinggi)** yang memerlukan usaha yang lebih gigih termasuk kos peruntukan kewangan untuk dicapai.

Baki inisiatif sebanyak **tujuh (7) berada dalam kelompok Kuadran C (impak rendah, kompleksiti rendah)** dan **satu (1) berada dalam Kuadran D (impak rendah, kompleksiti tinggi)**.



### **Kompleksiti :**

Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

### **Impak :**

Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

Ringkasan berikut menunjukkan **16 inisiatif** yang perlu diberi keutamaan daripada 44 inisiatif yang telah dikenal pasti.

Ia berdasarkan tiga (3) strategi utama iaitu **Memantapkan Kecekapan, Ketelusan Dan Integriti Tugas-Tugas, Pencegahan dan Penguatkuasaan Kawalan Pencemaran, Memastikan Pembangunan Secara Lestari Dalam Proses Kemajuan Negara Dan Memantapkan Kualiti Khidmat Penyampaian JAS.**

16 inisiatif ini juga dikenal pasti berdasarkan **keperluan kesegeraan untuk menangani risiko rasuah/ salahguna kuasa yang mempunyai rating tinggi (high).**

BIL.	RUJUKAN INISIATIF	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1.	1.1.2	Mewujudkan Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan dan garis panduan bagi menilai hasil siasatan dan syor tindakan penguatkuasaan untuk dilaksanakan di setiap JAS Negeri.	Kuadran B	Strategi 1
2.	1.1.4	Mewujudkan task force bersama agensi bagi menangani isu <i>import/eksport</i> buangan terjadual secara haram.	Kuadran B	Strategi 1
3.	1.1.5	Mewujudkan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Permohonan <i>Import/Eksport</i> Buangan Terjadual secara berkala bersama agensi sekurang-kurangnya 3 kali setahun.	Kuadran B	Strategi 1
4.	1.1.6	Menyediakan arahan dalaman untuk proses pemilihan dalam melantik kontraktor pembersihan perlu dilaksanakan oleh pegawai yang tidak terlibat dalam proses siasatan pelupusan haram buangan terjadual.	Kuadran B	Strategi 1
4.	1.1.7	Menambahbaik sistem penjanaan nombor rujukan Kertas Siasatan ( <i>Investigation Paper</i> : IP) secara automatik melalui eMahkamah sediada di dalam EKAS.	Kuadran B	Strategi 1
5.	1.2.2	Perkongsian maklumat penemuan audit dengan Unit Integriti, JAS Ibu Pejabat secara berkala (sekurang-kurangnya 2 kali setahun)	Kuadran A	Strategi 1

BIL.	RUJUKAN INISIATIF	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
6.	1.2.4	Memastikan peranan penyelia dalam menguruskan pelanggaran tata kelakuan.	Kuadran B	Strategi 1
7.	1.2.6	Memperkasakan rekod aduan, penguatkuasaan hasil siasatan di dalam EKAS.	Kuadran A	Strategi 1
8.	1.2.7	Memperkemaskan agenda mesyuarat Mesyuarat Tindakan Penguatkuasaan dengan menghadkan akses kehadiran mengikut kes yang dibincangkan.	Kuadran A	Strategi 1
9.	1.2.8	Mempermudahkan proses pemakluman Notifikasi sistem kawalan pencemaran alam sekitar secara dalam talian.	Kuadran A	Strategi 1
10.	1.2.11	Pegawai Pemproses perlu memastikan pematuhan terhadap piagam pelanggan pemrosesan permohonan <i>import/eksport</i> buangan terjadual yang telah digariskan.	Kuadran B	Strategi 1
11.	1.2.12	Menambah kemudahan penstoran bahan sitaan di negeri-negeri berpelabuhan dan pintu masuk negara.	Kuadran B	Strategi 1
12.	1.2.13	Ahli Jawatankuasa Tindakan Penguatkuasaan hendaklah dilantik secara rasmi dan SOP pelaksanaannya diwujudkan untuk penyeragaman seluruh JAS.	Kuadran B	Strategi 1
13.	1.2.14	Menambahbaik Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (ATOP) – Penyediaan Kertas Siasatan selaras dengan keperluan prosedur yang digariskan di dalam Kanun Prosedur Jenayah.	Kuadran B	Strategi 1
14.	2.2.2	Merangka dan melaksanakan SOP kawalan penggunaan sistem pemrosesan permohonan data kualiti alam sekitar.	Kuadran B	Strategi 2
15.	3.1.4	Memperkasa program kesedaran kerjasama JAS dengan SPRM.	Kuadran A	Strategi 3
16.	3.2.4	Kompetensi Pegawai Pemproses perlu ditingkatkan melalui pendedahan dan latihan.	Kuadran B	Strategi 3



***“Bukan dilarang membuat cita-cita yang baru tetapi  
berfikirlah dengan wajar, yang akan datang itu disyukuri  
yang telah ada itu lebih disyukuri lagi”  
– Hamka***

# TiQ3

## **BAB**

### TADBIR URUS

Penerangan berkenaan aspek pemantauan dan penilaian pelaksanaan OACP. Ia penting bagi tujuan memantau kemajuan pelaksanaan yang dilakukan oleh setiap peneraju/pelaksana kepada inisiatif yang ditetapkan. Ia juga merupakan langkah untuk mengenalpasti kekangan dan cabaran dalam pelaksanaan inisiatif supaya sasaran menangani/mengatasi risiko berjaya dicapai.





# Prinsip Pengurusan Antirasuah



### **»» Komitmen Pengurusan Tertinggi Jabatan**

Pengurusan Tertinggi bertanggungjawab dalam memastikan :

- membudayakan integriti dan nilai-nilai etika di tahap yang tertinggi;
- memastikan keseluruhan organisasi mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa; dan
- menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan.

### **»» Penilaian Risiko Rasuah :**

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada inisiatif antirasuah JAS. Sehubungan itu, JAS akan:

- melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan; dan
- memberi keutamaan kepada risiko rasuah sama ada dalaman mahupun luaran.

### **»» Pelaksanaan Inisiatif :**

- JAS akan mewujudkan langkah pelaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus, proses dan prosedur serta penguatkuasaan undang-undang.

### **»» Pemantauan dan Penilaian Secara Sistemik**

Pemantauan dan penilaian secara sistematik dilaksanakan dengan memastikan:

- mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi;
- penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program; dan
- mengenalpasti penyelesaian terbaik bagi setiap permasalahan yang timbul.

Pemantauan dan penilaian secara sistematik boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan risiko antirasuah sedia ada di JAS.



# Mekanisme Pelaksanaan



Pihak Bertanggungjawab	Mesyuarat	Tindakan
Unit Integriti sebagai Urus Setia	Mesyuarat Jawatan Kuasa OACP JAS	Menyelaraskan pelaporan OACP dan mendapatkan input untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JAR JAS
Unit Integriti sebagai Urus Setia	Mesyuarat Jawatan Kuasa Anti-Rasuah (JAR) JAS Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah OACP setiap suku tahun</li><li>• Mengenalpasti penyelesaian terbaik</li><li>• Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi dan agensi</li></ul>
Penyelaras OACP Peringkat JAS Negeri sebagai Urus Setia	Mesyuarat Jawatan Kuasa Anti-Rasuah (JAR) JAS Negeri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memastikan inisiatif-inisiatif dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan</li><li>• Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara suku tahun kepada Unit Integriti selaku Urus Setia Induk OACP</li></ul>



# Mekanisme Penyelarasan Dan Pemantauan



### Tindakan Pemantauan Pelaksanaan Di Bawah Jawatankuasa OACP Dengan Penglibatan Peneraju/ Pelaksana Inisiatif :

- Peneraju/Pelaksana membuat perbandingan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap);
- Peneraju/Pelaksana mengemukakan kemajuan pelaksanaan inisiatif kepada Jawatankuasa OACP JAS;
- Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam pelaksanaan inisiatif di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OACP JAS;
- Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti pada setiap suku tahun; dan
- Membentangkan kemajuan pelaksanaan inisiatif dalam Mesyuarat Anti-Rasuah (JAR).

### Tindakan Penyelarasan :

- JAS Negeri/Bahagian mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa OACP JAS mengikut inisiatif yang masing-masing terlibat;
- Jawatankuasa OACP JAS melaporkan status pelaksanaan OACP setiap suku tahun kepada pengurusan tertinggi Jabatan melalui Mesyuarat JAR JAS.
- JAR JAS menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP.

***“Jangan Tanya apa yang dibuat oleh  
Negara untuk mu, tapi tanyalah apa yang  
boleh kamu buat untuk Negara”  
– Abraham Lincoln***

***KESIMPULAN***



## *Kesimpulan*

Kerajaan dalam usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan telah merangka satu pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus negara ini.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai sebuah agensi penguatkuasaan sangat komited dalam usaha membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Seterusnya, bagi menyokong usaha kerajaan ini, Jabatan telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JAS bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2020 sehingga 2024. OACP ini telah menggariskan 44 inisiatif yang akan dilaksanakan oleh JAS sebagai mekanisme pengurusan pemantapan governans, integriti dan antirasuah Jabatan.

Pelan ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif OACP JAS dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan pelan ini akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut perubahan semasa.

Pelan OACP JAS ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memantapkan governans, integriti dan antirasuah JAS selaras dengan visi OACP JAS iaitu "Memastikan Pembangunan Lestari Di Dalam Proses Memajukan Negara Dilaksanakan Secara Professional dan Berintegriti".



*“Seseorang yang melakukan kesalahan dan tidak membetulkannya telah melakukan satu kesalahan lagi”*

***PENGHARGAAN***



# ***Penghargaan***

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan sokongan:

**YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man**

Menteri Alam Sekitar dan Air

**YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang**

Ketua Setiausaha

Kementerian Alam Sekitar dan Air

**YBrs. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu**

Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar)

Kementerian Alam Sekitar dan Air

**YBrs. Puan Norlin binti Jaafar**

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar Malaysia

**YBrs. Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Alam Sekitar Malaysia

**YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari**

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Jabatan Alam Sekitar Malaysia

**Semua Pengarah Bahagian**

Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat

**Semua Pengarah**

Jabatan Alam Sekitar Negeri

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)

Institut Integriti Malaysia (IIM)

Dan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada semua Ahli Jawatankuasa OACP JAS yang bertungkus lumus, bekerjasama dan sangat komited dalam menghasilkan pelan ini :

**Tn. Hj. Shafe'ee bin Yasin**

Pengarah  
Bahagian Penguatkuasa

**Tn. Hj. Rosli bin Zul**

Pengarah  
JAS Negeri Perak

**Encik Salahudin bin Sidik**

Pengarah  
JAS Negeri Kelantan

**Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab**

Pengarah  
JAS Negeri Pulau Pinang

**Encik Mohd Yunos bin Rais**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penguatkuasa

**Encik Jamal Affendy bin Shahar**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Air & Marin

**Encik Dasuki Loo bin Abdullah**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Udara

**Encik Norhisham bin Abdul Hamid**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Bahan Berbahaya

**Encik Anuar bin Ishak**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Komunikasi Strategik

**Puan Norazlina binti Ab Halim**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penguatkuasa

**Encik Janizan bin Abu Kasim**

Ketua Penolong Pengarah  
JAS Melaka

**Encik Mohd Rosiskada bin Mohamed**

Ketua Penolong Pengarah  
JAS Kedah

**Puan Nor Hamirah binti Mahayudin**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pentadbiran & Kewangan

**Puan Monaliza binti Md Yusoff**

Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan  
JAS Selangor

**Puan Farra Nor Azura binti Jumuddin**

Penasihat Undang-Undang

**Encik Mohammad Rahimi bin Dollah**

Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan  
Bahagian Penilaian

**Encik Ahmad Bukhori bin Najmi**

Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan  
Bahagian Penilaian

**Encik Ahmad Azri bin Alias**

Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan  
Bahagian Komunikasi Strategik

**Puan Nur Azlin binti Murat**

Pegawai Teknologi Maklumat  
Bahagian Teknologi Maklumat

**Tn. Hj. Mohd Amir bin Ismail**

Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan  
JAS Sepang

**Encik Nursuffianhadi bin Ramly**  
Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan  
EiMAS

**Encik Mohd Fadli bin Ismail**  
Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan  
Bahagian Penguatkuasa

**Encik Amir Afiq bin Abdullah**  
Pegawai Kawalan Alam Sekitar  
Bahagian Udara

**Puan Farahnurlaida binti Mohamed Najib**  
Unit Integriti Jabatan

**Encik Raddy Irana bin Mat Lazan**  
Unit Integriti Jabatan

Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membangunkan OACP JAS 2020 – 2024.



# Catatan

[www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)



**JABATAN ALAM SEKITAR  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR**  
Aras 1 - 4, Podium 2 & 3,  
Wisma Sumber Asli No.25,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62574 Putrajaya, Malaysia.

 03-8871 2000

 03-8888 9987